



---

**PEKELILING PESURUHJAYA PERLINDUNGAN DATA PERIBADI  
BILANGAN 1 TAHUN 2024**

---

**KEWAJIPAN PENDAFTARAN DAN PEMBAHARUAN PERAKUAN PENDAFTARAN  
SEBAGAI PENGGUNA DATA DI BAWAH  
AKTA PERLINDUNGAN DATA PERIBADI 2010 [AKTA 709]**

**1.0 TUJUAN**

Pekeliling ini bertujuan untuk memastikan Golongan Pengguna Data sebagaimana yang diperincikan di dalam Perintah Perlindungan Data Peribadi (Golongan Pengguna Data) 2013 [P.U.(A) 336] dan Perintah Perlindungan Data Peribadi (Golongan Pengguna Data)(Pindaan) 2016 [P.U.(A) 326] mempunyai perakuan pendaftaran yang sah sebagai Pengguna Data dengan membuat permohonan untuk pendaftaran selaras dengan Seksyen 15 Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 [Akta 709] atau pembaharuan perakuan pendaftaran selaras dengan Seksyen 17 Akta 709.

**2.0 LATAR BELAKANG**

2.1 Di bawah Akta 709, terdapat 13 Golongan Pengguna Data yang wajib mendaftar seperti yang diwartakan dalam Perintah Perlindungan Data Peribadi (Golongan Pengguna Data) 2013 [P.U.(A) 336] dan Perintah Perlindungan Data Peribadi (Golongan Pengguna Data)(Pindaan) 2016 [P.U.(A) 326].

2.2 Setiap Pengguna Data yang berdaftar hendaklah membayar fi pendaftaran dan suatu perakuan pendaftaran akan dikeluarkan oleh Pesuruhjaya Perlindungan Data Peribadi sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Seksyen 16 Akta 709. Golongan Pengguna Data yang wajib berdaftar juga adalah tertakluk untuk memperbaharui perakuan pendaftaran dengan membayar fi pembaharuan tertentu seperti mana yang ditetapkan di bawah Seksyen 17 Akta 709.

2.3 Pejabat Pesuruhjaya Perlindungan Data Peribadi berfungsi sebagai sebuah badan kawal selia untuk memastikan tiada penyalahgunaan data peribadi yang dijadikan komoditi yang boleh diurus niaga serta diceroboh oleh seseorang lain atau pihak-pihak lain. Akta 709 merupakan undang-undang pematuhan (*compliance legislation*).

2.4 Seksyen 13 hingga 20 Akta 709 memperuntukkan keperluan pendaftaran bagi Pengguna Data dan prosedur yang berkaitan dengan pendaftaran. Bagi maksud Akta 709, Pengguna Data ditafsirkan sebagai seseorang yang sama ada berseorangan atau bersejajanya atau bersama dengan orang lain memproses apa-apa data peribadi atau mempunyai kawalan terhadap atau memberikan pemprosesan apa-apa data peribadi, tetapi tidak termasuk seorang pemproses data.

### **3.0 PERMOHONAN UNTUK PENDAFTARAN**

3.1 Suatu permohonan untuk pendaftaran sebagai Pengguna Data hendaklah dibuat secara dalam talian melalui Sistem Perlindungan Data Peribadi (SPDP) di pautan <https://daftar.pdp.gov.my>

3.2 Bayaran fi pendaftaran sebagai Pengguna Data adalah dikenakan secara tahunan dan boleh dibayar mengikut tempoh yang dikehendaki oleh Pengguna Data dihadkan antara satu (1) hingga dua (2) tahun dengan kadar tahunan yang dikenakan adalah seperti berikut:

<b>BIL</b>	<b>PENUBUHAN PENGGUNA DATA</b>	<b>FI PENDAFTARAN / SETAHUN</b>
1.	Pemilikan Tunggal	RM100.00
2.	Perkongsian	RM200.00
3.	Syarikat Sendirian Berhad	RM300.00
4.	Syarikat Berhad	RM400.00

3.3 Seseorang Pengguna Data yang berada dalam dua (2) atau lebih Golongan Pengguna Data hendaklah membuat permohonan bagi pendaftaran secara berasingan bagi setiap Golongan Pengguna Data yang dalamnya Pengguna Data itu berada.

3.4 Setiap permohonan yang diterima, akan disemak bagi memastikan semua maklumat permohonan Pengguna Data telah diisi dengan lengkap sebelum diangkat untuk kelulusan. Mana-mana Pengguna Data yang telah menerima kelulusan pendaftaran adalah dikehendaki untuk menjelaskan fi pendaftaran yang telah ditetapkan dalam tempoh 14 hari dari tarikh kelulusan, sebelum Perakuan Pendaftaran dikeluarkan kepada Pengguna Data tersebut.

3.5 Tempoh kesahan sesuatu Perakuan Pendaftaran bermula dari tarikh bayaran diterima dari Pengguna Data. Pengguna Data adalah dianggap sebagai tidak mendaftar, sekiranya didapati masih gagal menjelaskan bayaran fi pendaftaran.

#### **4.0 SYARAT-SYARAT PEMBAHARUAN PERAKUAN PENDAFTARAN**

4.1 Di bawah subseksyen 17(1) Akta 709, permohonan bagi Pembaharuan Perakuan Pendaftaran bagi Pengguna Data perlu dibuat sebelum tamat/luput tempoh Perakuan Pendaftaran yang sedia ada, disertai dengan pembayaran fi yang ditetapkan.

Permohonan bagi Pembaharuan Perakuan Pendaftaran boleh dibuat tidak lewat daripada sembilan puluh (90) hari sebelum tamat/luput tempoh Perakuan Pendaftaran.

4.2 Walau bagaimanapun, Pengguna Data boleh memohon Pembaharuan Perakuan Pendaftaran pada bila-bila masa sebelum tamat/luput tempoh Perakuan Pendaftaran yang sedia ada. Permohonan bagi Pembaharuan Perakuan Pendaftaran tidak akan dibenarkan selepas tarikh tamat/luput tempoh Perakuan Pendaftaran dan tidak boleh diperbaharui. Pengguna Data perlu mendaftar semula sebagai Pengguna Data.

4.3 Setiap permohonan Pembaharuan Perakuan Pendaftaran boleh dibuat untuk tempoh satu (1) hingga dua (2) tahun dengan kadar tahunan yang sama dengan fi pendaftaran.

## **5.0 NOTIS PENDAFTARAN**

Notis Pendaftaran akan turut dikeluarkan secara bertulis kepada Pengguna Data sebagai peringatan pendaftaran dalam tempoh 14 hari secara:

- i. Menghantar ke alamat e-mel Pengguna Data yang terakhir diketahui;
- ii. Menghantar serah notis kepada Pengguna Data;
- iii. Meninggalkan notis di alamat kediaman atau tempat perniagaan Pengguna Data yang terakhir diketahui dalam suatu sampul yang ditujukan kepada Pengguna Data; atau
- iv. Menghantar notis melalui pos dalam suatu surat berdaftar Akuan Terima yang ditujukan kepada Pengguna Data di alamat kediamannya atau tempat perniagaannya yang terakhir diketahui.

## **6.0 NOTIS PEMBAHARUAN PERAKUAN PENDAFTARAN**

6.1 Notis Peringatan Pembaharuan Perakuan Pendaftaran akan dihantar melalui e-mel secara automatik ke alamat e-mel berdaftar Pengguna Data untuk memperbaharui Perakuan Pendaftaran seperti berikut:

- i. 90 hari sebelum tarikh tamat/luput tempoh Perakuan Pendaftaran;
- ii. 60 hari sebelum tarikh tamat/luput tempoh Perakuan Pendaftaran; dan
- iii. 30 hari sebelum tarikh tamat/luput tempoh Perakuan Pendaftaran.

6.2 Notis Pembaharuan Perakuan Pendaftaran di bawah subseksyen 17(1) Akta 709 akan turut dikeluarkan secara bertulis kepada Pengguna Data untuk memperbaharui Perakuan Pendaftaran dalam tempoh 60 hari sebelum tarikh tamat/luput secara:

- i. Menghantar ke alamat e-mel yang berdaftar Pengguna Data atau terakhir diketahui;
- ii. Menghantar serah notis kepada Pengguna Data;
- iii. Meninggalkan notis di alamat kediaman atau tempat perniagaan Pengguna Data yang terakhir diketahui dalam suatu sampul yang ditujukan kepada Pengguna Data; atau
- iv. Menghantar notis melalui pos dalam suatu surat berdaftar Akuan Terima yang ditujukan kepada Pengguna Data di alamat kediamannya atau tempat perniagaannya yang terakhir diketahui.

## **7.0 KEGAGALAN PENDAFTARAN ATAU MEMPERBAHARUI PERAKUAN PENDAFTARAN**

7.1 Seseorang yang berada dalam Golongan Pengguna Data yang didapati memproses data peribadi tanpa suatu Perakuan Pendaftaran yang sah adalah melakukan suatu kesalahan di bawah seksyen 16(4) Akta 709 dan sekiranya disabitkan, boleh didenda tidak melebihi RM500,000.00 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga (3) tahun atau kedua-duanya.

7.2 Manakala, Pengguna Data yang tidak memperbaharui Perakuan Pendaftaran dan terus memproses data peribadi selepas tarikh tamat/luput tempoh Perakuan Pendaftaran adalah melakukan suatu kesalahan di bawah subperaturan 5(2) Peraturan-peraturan Perlindungan Data Peribadi (Pendaftaran Pengguna Data) 2013 [P.U.(A) 337] dan sekiranya disabitkan, didenda tidak melebihi RM250,000.00 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua (2) tahun atau kedua-duanya.

## **8.0 PEMBATALAN**

Dengan berkuat kuasanya Pekeliling ini, maka Pekeliling Pesuruhjaya Perlindungan Data Peribadi Bil. 1 Tahun 2022 dan Pekeliling Pesuruhjaya Perlindungan Data Peribadi Bil. 3 Tahun 2022 adalah **dibatalkan**.

## **9.0 KUAT KUASA**

Pekeliling ini berkuat kuasa pada tarikh ia ditandatangani.

## **10.0 PEMAKAIAN**

Pekeliling ini adalah terpakai kepada Golongan Pengguna Data yang dinyatakan dalam Perintah Perlindungan Data Peribadi (Golongan Pengguna Data) 2013 [P.U.(A) 336] dan

PDP.100-1/3/1 ( 2 )


Perintah Perlindungan Data Peribadi (Golongan Pengguna Data) (Pindaan) 2016  
[P.U.(A) 326].

Sekian, terima kasih.

**“MALAYSIA MADANI”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,



**(PROFESOR DR. MOHD NAZRI BIN KAMA)**

Pesuruhjaya

Perlindungan Data Peribadi

Tarikh: 10 Mei 2024